



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (65)

Tarikh : 9 Oktober 2013

## **SIARAN MEDIA**

### **JUMLAH TERKINI PROJEK PERUMAHAN SAKIT, DITANGGUHKAN DAN TERBENGGALAI**

Putrajaya, 9 Oktober - Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan memaklumkan bahawa jumlah projek lewat dan sakit sehingga 15 September 2013 adalah 44 projek lewat dan 186 projek sakit.

Bagi projek perumahan swasta yang terbengkalai, terdapat 187 telah direkodkan di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga 31 Ogos 2013. Dari jumlah ini, sebanyak 136 (72.7%) projek telah berjaya disiapkan atau diselesaikan dan sebanyak 44 (23.6%) projek sedang berada di pelbagai peringkat pemulihan. Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) projek atau 3.7% lagi masih di peringkat perancangan awal untuk dipulihkan.

Senarai projek-projek yang bermasalah ini boleh disemak di laman web KPKT [http://www.kpkt.gov.my/kpkt\\_2013](http://www.kpkt.gov.my/kpkt_2013). Senarai ini dikemaskini setiap bulan.

KPKT mengklasifikasikan projek bermasalah kepada tiga iaitu lewat, sakit dan terbengkalai.

- projek lewat adalah projek yang mengalami kelewatan di antara 10% hingga 30% berbanding yang sepatutnya.

- Projek sakit adalah projek-projek yang mengalami kelewatan melebihi 30% berbanding kemajuan yang sepatutnya atau telah tamat tempoh perjanjian jual beli
- Projek terbengkalai iaitu projek-projek yang ditakrifkan sebagai projek-projek yang memenuhi kriteria berikut: projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh Perjanjian Jual dan Beli dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama enam (6) bulan secara berterusan; atau Petisyen penggulungan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1966; atau Syarikat diletakkan di bawah Pegawai Penerima dan Pengurus (*Receiver & Manager*); atau Pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada Pengawal Perumahan; dan Disahkan projek terbengkalai oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Seksyen 11 (1) (c), Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Ini adalah jawapan kepada pertanyaan lisan yang dijawab oleh YBM KPKT kepada Y.B. Senator Puan Chew Lee Giok pada 7 Oktober 2013 (Isnin) semasa sidang Dewan Negara yang bertanyakan berapakah projek perumahan yang sakit, yang ditangguh, dan yang terbengkalai.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)